

31 AUG 2001

Mahathir-Sukan

SEMAKIN RAMAI MINAT SUKAN BERMOTOR, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peningkatan minat rakyat Malaysia terhadap sukan bermotor di negara ini adalah satu perkembangan yang sihat.

Katanya sukan itu telah menarik minat ramai orang termasuk pengusaha automobil dan pengeluar produk berkaitan dengan kereta, seperti tayar dan minyak.

"Motorsports di Malaysia telah menarik minat ramai orang walaupun masih ada juga yang terlibat dalam lumba haram. Tapi nampak orang minat dengan motorsports," katanya pada sidang berita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlumbaan Lasak Merdeka Millenium 2001 di Litar F1 Sepang di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan terus menggalakkan sukan bermotor di negara ini dengan memberi pertimbangan terhadap permintaan seperti pengecualian cukai bagi membolehkan barangan berkaitan sukan bermotor dibawa masuk ke negara ini.

Mengulas perkembangan sukan bermotor negara termasuk perlumbaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-44 itu, beliau berkata bilangan peserta yang mengambil bahagian dalam acara berkenaan juga meningkat iaitu 88 penyertaan sedangkan litar itu hanya mampu mengendalikan 77 penyertaan.

Mengulas kejayaan pemandu tempatan dalam Perlumbaan Lasak Merdeka Millenium meskipun dengan kehadiran pemandu antarabangsa, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan pemandu tempatan mempunyai minat yang tinggi dalam sukan bermotor dan telah meningkatkan kemahiran mereka.

Katanya kualiti pemandu tempatan dan kenderaan mereka juga telah meningkat.

Sambil memberikan contoh pasukan Proton Rally yang kerap memenangi acara rali, beliau berkata rakyat Malaysia kini sudah mula menceburi perlumbaan lasak dan laju.

Pasukan bertiga Jeffrey Wong, Admi Shahrul dan Tommy Lee yang menggunakan TVR Chimaera, memenangi perlumbaan itu yang bermula tengah malam tadi.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai prestasi kereta Perodua Kelisa yang menyaksikan kejayaan ketiga-tiga penyertaannya dalam perlumbaan itu.

Beliau yang memandu sendiri sebuah Kelisa ketika menghadiri perarakan Hari Kebangsaan di Dataran Merdeka hari ini berkata ia adalah sebuah kereta yang baik dan mempunyai prestasi tinggi.

Kelisa yang mempunyai enjin 1,000cc dengan 12 injap minyak elektronik adalah model terbaru syarikat pengeluar kereta kedua negara, Perodua.

-- BERNAMA

HS MAM RON